TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

BERSEMPENA DENGAN

ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA 2026

"46 TAHUN MENGHUBUNG RANGKAIAN, MENGIKTIRAF KECEMERLANGAN"

19 NOVEMBER 2026 | HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA

Salutasi (akan dikemas kini berdasarkan pengesahan kehadiran jemputan).

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

PEMBUKAAN: KECEMERLANGAN YANG DIRASAI RAKYAT

1. Syukur kita dapat bersama-sama dalam Anugerah Industri Lebuh Raya 2026 pada malam ini. Terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), rakan-rakan media yang dihormati serta semua rakan penganjur yang sudi menjayakan majlis penghargaan ini.

2. Tema **"46 Tahun Menghubung Rangkaian, Mengiktiraf Kecemerlangan"** amat bertepatan dengan perjalanan LLM dan pembangunan lebuh raya negara. Selepas 46 tahun, tanggungjawab kita bukan sekadar menambah baik rangkaian fizikal, tetapi terus memperkukuh keyakinan rakyat terhadap mutu perkhidmatan yang diterima.

3. Setiap kali pengguna tiba dengan selamat di destinasi, ada ramai insan yang menyumbang kepada perjalanan itu — petugas yang menyenggara jalan, memantau trafik, menghulurkan bantuan dan mereka yang menyampaikan maklumat, termasuklah warga media. Tidak semuanya dikenali, namun khidmat mereka dirasai oleh jutaan pengguna. Malam ini, merekalah yang kita raikan.

4. Saya ingin menegaskan satu mesej kepada seluruh pemain industri: kecemerlangan lebuh raya tidak boleh diukur melalui infrastruktur semata-mata. Ia mesti dapat dilihat pada tiga perkara yang dekat dengan rakyat — kepantasan tindakan terhadap aduan, ketepatan maklumat perjalanan dan kesiapsiagaan menjaga keselamatan pengguna.

MENGHARGAI TULANG BELAKANG INDUSTRI

5. Kita sering melihat lebuh raya sebagai laluan yang menghubungkan bandar, negeri dan wilayah. Tetapi di sebalik jaringan ini ialah tenaga kerja yang bertugas tanpa mengira waktu, termasuk pada musim perayaan, ketika cuaca buruk dan semasa kecemasan. Kepada petugas operasi, penyenggaraan, rondaan dan bantuan kecemasan, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

6. Penghargaan ini turut saya tujukan kepada syarikat konsesi, kontraktor, pembekal perkhidmatan, pemaju, pihak pembiaya dan peniaga di hentian yang menyokong ekosistem lebuh raya. Sumbangan anda bukan sekadar menggerakkan operasi; ia turut menyokong kegiatan ekonomi dan kemudahan perjalanan rakyat.

Hadirin yang dihormati,

7. Sebanyak 20 anugerah disampaikan pada malam ini kepada pelbagai kelompok dalam ekosistem lebuh raya, termasuk kepada rakan media. Angka ini mencerminkan satu hakikat penting: pencapaian industri tidak lahir daripada usaha satu organisasi, sebaliknya hasil kerjasama ramai pihak yang memainkan peranan masing-masing.

8. Kepada penerima anugerah, tahniah dan syabas. Namun, saya berharap pengiktirafan ini tidak terhenti sebagai kebanggaan sesebuah organisasi semata-mata. Jadikan kejayaan anda penanda aras dan amalan terbaik yang boleh dikongsi supaya manfaatnya turut dirasai oleh pengguna di seluruh rangkaian lebuh raya.

PENGHARGAAN KHUSUS KEPADA RAKAN MEDIA

9. Pada malam ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan yang khusus kepada seluruh warga media — wartawan, editor, jurugambar, juruvideo, penyampai dan petugas di belakang tabir, sama ada daripada media cetak, elektronik mahupun platform digital. Anda merupakan rakan penting dalam perjalanan pembangunan industri

lebuh raya negara.

10. Apabila berlaku kesesakan, kemalangan atau gangguan perjalanan, laporan yang pantas dan tepat membantu orang ramai merancang laluan, menjangka keadaan trafik dan membuat keputusan yang lebih selamat. Dalam keadaan seperti ini, tugas media melangkaui penyampaian berita; ia menjadi sebahagian daripada khidmat maklumat kepada rakyat.

11. Saya juga menghargai peranan media membawa suara pengguna — termasuk aduan, teguran dan pengalaman yang mungkin tidak selalu menyenangkan untuk didengar. Teguran yang berasas tidak wajar dilihat sebagai serangan terhadap industri, tetapi sebagai peluang untuk membetulkan kelemahan dan meningkatkan keyakinan masyarakat.

12. Sebab itu, saya mahu hubungan antara pengendali lebuh raya, LLM, Kementerian Kerja Raya dan pihak media terus diperkukuh. Maklumat trafik dan penjelasan tentang gangguan operasi hendaklah disampaikan secara jelas, tepat pada masanya dan mudah difahami. Kita tidak seharusnya membiarkan kekosongan maklumat menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna.

13. Pengiktirafan kepada media dalam anugerah ini amat bermakna. Ia membawa mesej bahawa rakan media bukan sekadar hadir membuat liputan tentang industri lebuh raya, tetapi turut membantu mendidik pengguna, menyampaikan maklumat keselamatan dan menggalakkan penambahbaikan perkhidmatan. Bagi pihak Kerajaan, terima kasih atas sumbangan dan profesionalisme anda.

14. Justeru, peranan media dalam menyampaikan maklumat dan suara pengguna perlu disokong dengan tindakan oleh pihak industri. Saya mahu LLM dan seluruh pengendali lebuh raya memberi tumpuan kepada tiga keutamaan, iaitu tindakan pantas terhadap aduan melalui **MyJalan**, ketepatan maklumat trafik dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan.

15. Kecemerlangan industri bukan sekadar diukur melalui pembangunan infrastruktur, tetapi melalui kecekapan perkhidmatan, keselamatan dan keyakinan rakyat terhadap sistem lebuh raya negara.

MEMBINA LEBUH RAYA PINTAR, SELAMAT DAN MAMPAN

16. Dalam mendepani perkembangan teknologi, Kementerian Kerja Raya melalui LLM akan terus memperkasa penggunaan teknologi digital, data raya dan kecerdasan buatan (AI) ke arah pengurusan

lebuh raya pintar, selaras dengan **Malaysia ITS Roadmap 2030.** Matlamatnya adalah untuk memastikan perkhidmatan lebuh raya yang lebih selamat, cekap dan mampan serta memberi manfaat langsung kepada pengguna.

17. Pada masa yang sama, lebuh raya bukan sekadar jaringan pengangkutan, tetapi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Justeru, kerjasama strategik antara Kerajaan dan pemain industri perlu terus diperkukuh demi memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh rakyat.

PENUTUP

18. Sempena ulang tahun LLM yang ke-46, saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga LLM, PSKLM dan semua rakan industri atas komitmen yang telah diberikan. Penghargaan saya juga sekali lagi kepada warga media yang terus menjadi jambatan maklumat antara industri, Kerajaan dan pengguna lebuh raya.

19. Kepada semua penerima anugerah, bawalah pulang bukan sekadar trofi, tetapi tanggungjawab untuk terus memperbaiki mutu perkhidmatan. Kejayaan sebenar majlis ini bukan hanya pada siapa yang menerima pengiktirafan malam ini, tetapi pada apa yang akan dirasai rakyat dalam perjalanan mereka selepas ini.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka untuk saya menyarankan agar Anugerah Industri Lebuh Raya ini diadakan setiap tahun sebagai platform untuk mengangkat martabat industri lebuhraya negara serta mengiktiraf sumbangan semua pihak yang menjadi penggerak kecemerlangannya.

21. Dengan harapan agar kecemerlangan ini terus menjadi budaya seluruh industri, saya dengan sukacitanya merasmikan Anugerah Industri Lebuh Raya 2026. Syabas dan tahniah kepada semua.

Sekian, terima kasih.